



Pelancaran Kayuhan Menjunjung Kasih Raja Muda Selangor

Klang, 8 Februari 2023 – Yang Dipertua MPK, TPr. Hajah Noraini Roslan pagi ini telah melancarkan program Kayuhan Menjunjung Kasih Edisi Ke-3 Bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor secara rasmi bertempat di Auditorium Raja Ismail, MPK.

Program Kayuhan Menjunjung Kasih bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor adalah inisiatif pihak MPK dalam menyemarakkan program sempena bulan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Program kayuhan ini mula diperkenalkan pada tahun 2017 bersempena dengan Perasmian Jambatan Raja Muda Nala, jambatan ketiga Klang. Ketika itu jarak kayuhan adalah sejauh 22km.

Program yang tertangguh akibat wabak Covid-19 yang melanda negara baru-baru ini bakal diadakan pada 19 Mac 2023 depan di Galeri Jualan Sime Darby Bandar Baru Klang.

Pada majlis yang sama, penaja-penaja program bagi edisi kali ini turut diperkenalkan.



IMBAS SAYA!

Akan datang..



Nantikan..

Kandungan

Berita

Kunjungan Pasukan APPC SUK Selangor	3
Konvensyen Mini KIK	4
Perbincangan Projek Inovasi KIK Warisan	5
Mural Baharu Di Laman Seni Safari	6
Pembentangan Logo Bandaraya Diraja Klang	7
Perasmian Gelanggang Silat MPK	8
Jejak Silat Klang	10
Penerbitan Buku Warta Warisan MPK	12
Perbincangan Penerbitan Buku Mewah Istana	12

Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang

Matlamat, Objektif dan Pendekatan	13
-----------------------------------	----

Asal Usul

Klang (Bahagian 2)	14
--------------------	----

Laman Jawi

Surat Sultan Selangor kepada Francis Light berkaitan pemergian Arung Temujung ke Pulau Pinang	15
---	----

Kenali Warisan

Majlis Warisan Kebangsaan	16
---------------------------	----



Sidang Redaksi



Penaung

YBrs. TPr. Hajah Noraini binti Roslan S.I.S, P.P.T.

Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Nor Haslinah binti Mohamed Jaafar

Kurator / Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

Penolong Kurator / Pengarang / Pembantu Tadbir

Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Setelah tertangguh sejak 2019 akibat Covid-19, Kayuhan Menjunjung Kasih 2022 Bersama Raja Muda Selangor diteruskan lagi tahun ini.

Majlis pelancaran acara kayuhan ini telah disempurnakan YDP MPK dan kali ini menyaksikan jarak kayuhan telah bertambah menjadi lebih 50 km. Ayuh warga Klang, kita berkayuh beramai-ramai bersama Raja Muda Selangor di sekitar Klang!

Alhamdulillah bulan ini juga menyaksikan buat julang kalinya sebuah gelanggang silat dibuka di MPK menerusi usaha Kelab Sukan dan Sosial MPK.

Penubuhan gelanggang silat di MPK bertujuan bagi memantapkan jati diri fizikal warga kerja belia MPK selaras dengan moto Klang Sihat dan Sejahtera di samping mengisi masa lapang dengan kegiatan yang sihat dan berfaedah.

Program kelas silat MPK ini dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Silat Seni Pusaka Gayong Malaysia (PSSPGM) negeri Selangor dan dikenali sebagai Gelanggang Silat PSSPGM Cawangan MPK.

Keahlian terbuka kepada semua warga kerja MPK dan keluarga mereka serta masyarakat Klang. Kelas latihan silat PSSPGM akan diadakan pada setiap hari Sabtu jam 9.00 hingga 11.00 pagi di Mini Auditorium MPK di Jalan Tengku Kelana, Klang.

Ramai generasi sekarang yang tidak mengetahui bahawa Klang mempunyai ramai pesilat handal bertaraf antarabangsa, malah ada yang merupakan juara silat sedunia!

*Faisal bin Dato' Haji Surani
Kurator*

Tinta Pena Kurator

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh

Bahagian Warisan, Pusat Sumber MPK,
Pejabat Cawangan MPK Jalan Tengku Kelana,
Lot 175 Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

Warta Warisan MPK Online

<https://www.mpklang.gov.my/ms/warta-warisan>

Kurator: +603 33758080
Pusat Sumber: +603 33758006
Faks: +603 33731978

Anugerah Pengurusan Pejabat & Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor 2023



Pegawai Penilai APPC begitu tertarik dengan buletin Warta Warisan MPK

Kuala Lumpur, 1 Februari 2023 – Hari ini para pegawai dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah hadir ke Majlis Perbandaran Klang bagi Lawatan Penilaian Anugerah Pengurusan dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2023.

Penilaian yang diadakan di Dewan Hamzah melibatkan semua bahagian MPK, termasuk Bahagian Warisan yang diterajui Kurator, Faisal Surani. Bagi penilaian APPC, Bahagian Warisan termasuk dalam kategori Bangunan Warisan yang terletak di bawah Jabatan Bangunan.

Mesyuarat Bandar Raya Warisan Pintar Klang



Klang, 23 Februari 2023 –Mesyuarat Laporan Interim Projek Pelan Induk dan Pra-Kajian Ketersauran Bagi Penjana Semula Klang Sebagai Bandar Raya Warisan Pintar Klang bersama Pihak Korea Selatan diteruskan lagi hari ini secara dalam talian bagi menyampaikan laporan semasa projek.

Mesyuarat dipengerusikan secara bersama oleh YDP MPK, TPr. Hj. Noraini Roslan bersama pihak Korea Selatan. Mesyuarat kali ini menyaksikan delegasi MPK yang diketuai Pengarah Bangunan MPK, En. Ahmad Khairi Md. Yusof, turut hadir secara fizikal di Korea.



Konvensyen Mini dan Bengkel Pemahaman dan Latihan Pembudayaan dan Pemerksaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Klang, 16-17 Februari 2023 – Bengkel Pemahaman dan Latihan Pembudayaan dan Pemerksaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Majlis Perbandaran Klang 2023 diadakan selama dua hari bermula hari ini bertempat di Dewan Hamzah Klang.

Lebih 40 orang peserta yang terdiri dari pegawai dan kakitangan MPK telah menghadiri bengkel ini. Penceramah dan pakar rujuk bengkel kali ini adalah Encik Mohd Rashid bin Kanchil dari *Ideas Training and Cosultancy*.

Bahagian Warisan MPK yang diterajui Faisal Surani, Kurator MPK bersama penolongnya Nur Iffah Dayana turut menyertai bengkel ini bagi mempelajari, meningkatkan kemahiran dan pengetahuan KIK dalam penyediaan dokumentasi serta cetusan idea kreatif dan inovatif projek warisan dan sejarah, secara tidak langsung meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dan memastikan pelaksanaan dasar yang berkesan.



Mohd Rashid bin Kanchil



Perbincangan Projek Inovasi KIK Warisan



Klang, 23 Februari 2023 – Lanjutan daripada Bengkel KIK minggu lalu, satu perbincangan awal tentang projek KIK Pewujudan Tempat bagi kawasan warisan telah diadakan di Pusat Sumber Majlis Perbandaran Klang petang ini.

Rangka kerja asas telah disediakan Kurator MPK, Faisal Surani dan hadir sama dalam perbincangan tersebut adalah penolong beliau Nur Iffah Dayana dan Penolong Pegawai Tadbir, Mohd Fadhil bin Mohammad @ Ariffin.

Pada perbincangan tersebut, Kurator MPK telah menyatakan keperluan pembentukan sebuah kumpulan KIK bagi projek warisan dan cadangan ahli-ahli kumpulan.



Diskusi Pembangunan Galeri Sejarah Pawang Diraja Haji Syawal



Klang, 9 Februari 2023 – Petang ini Pejabat Kurator MPK dikunjungi oleh Encik Abdul Rahman, cucu Pawang Diraja Haji Syawal @ Awaluddin bin Haji Jamal.

Tujuan beliau adalah bagi berbincang dan mendapatkan pandangan Kurator tentang pembangunan sebuah galeri sejarah Pawang Diraja Selangor.

Menurut Abdul Rahman, galeri berkenaan akan dibina di atas tanah Pawang Diraja Haji Syawal di Kampung Jawa dan akan memaparkan sejarah dan barang-barang pusaka milik Pawang Diraja Haji Syawal.

Kurator MPK, Faisal Surani menyambut baik pembinaan galeri berkenaan yang juga termasuk dalam Jejak Kampung Warisan.



Mural Baru di Laman Seni Safari

Klang, 26 Februari 2023 – Bersempena dengan acara Hari Tanpa Kenderaan Klang, pelajar-pelajar daripada Universiti Infrastruktur Seni Bina Kuala Lumpur (IUKL) dan Universiti Putra Malaysia UPM telah berganding bahu melukis sebuah mural yang bertema Kepelbagaian dan Perpaduan (*Diversity and Unity*).

Menurut Ketua Projek, Ts Dr Sharyzee Mohd Shukri, pensyarah dari IUKL, garisan yang dilukis secara bebas melambangkan sejarah perjalanan Klang dari dahulu sehingga era pemodenan yang bebas dan tegas ke arah matlamat yang ingin dicapai.

“Pelbagai warna terang yang digunakan bertujuan untuk menarik perhatian pengunjung untuk melihat mural tersebut. Variasi warna yang digunakan juga melambangkan unsur kepelbagaian dari segi budaya, bangsa dan sejarah yang terdapat di Klang,” ujar beliau.

Unsur mata yang terdapat pada mural berkenaan melambangkan rakyat Klang yang sentiasa memerhati serta menjadi saksi perkembangan dan pembangunan Klang menurutnya lagi.



Warga Klang turut sama membantu melukis mural





Pembentangan Draf Logo Bandaraya Diraja Klang

Laporan
Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Klang, 10 Februari 2023 – Pembentangan draf logo Bandaraya Diraja Klang dan draf panel interpretasi serta papan arah Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang telah diadakan pagi ini di Pejabat Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), TPr Hajah Noraini Roslan.

Draf telah dibentangkan oleh Ts. Dr. Sharyzee Mohamad Shukri daripada *International Council on Monuments and Sites* (ICOMOS).



Sejajar dengan hasrat penarafan Klang sebagai Bandaraya pada 23 November 2023, logo Bandaraya Diraja ini amat penting bagi melambangkan imej Klang sebagai bandar warisan Diraja dan bersejarah.

YDP MPK menyatakan beberapa elemen tertentu perlu diberi perhatian berhubung status Klang sebagai Bandar Diraja yang mempunyai identiti tersendiri. Justeru, usaha ini merupakan inisiatif MPK dalam merealisasikan Klang sebagai Bandaraya Diraja yang pertama di Malaysia.

Sebanyak 6 draf logo dan 4 draf lakaran panel interpretasi serta papan tanda arah telah dicadangkan.



Pemilihan reka bentuk serta kos papan tanda arah dan panel interpretasi Jejak Warisan turut dibincangkan dengan mengambil kira spesifikasi bahan yang digunakan dan informasi di papan tanda tersebut.

Sebuah video promosi Jejak Warisan Kota Raja turut ditayangkan bagi mendapatkan persetujuan MPK.

Turut hadir dalam sesi pembentangan ini Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat MPK, Puan Norfiza Mahfiz; Kurator MPK, Faisal Surani dan penolongnya Nur Iffah Dayana.





Perasmian Gelanggang Persatuan Seni Silat Gayong Malaysia Cawangan Majlis Perbandaran Klang

Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Klang, 11 Februari 2023 – Majlis Perasmian Gelanggang Persatuan Silat Seni Pusaka Gayong Malaysia (PSSPGM) Cawangan MPK anjuran Kelab Sukan dan Sosial MPK telah disempurnakan oleh Encik Zaireezal bin Ahmad Zainuddin, Presiden Kelab Sukan dan Sosial MPK.

Hadir sama pada majlis ini adalah Guru Anuar Abdul Rahman @ Tok Kelana, Yang Dipertua PSSPGM Selangor, Encik Ahmad Huzairi dari Akademi Aura Assyifa, Encik Faisal Surani, Kurator MPK dan Guru Muhammad Firdaus Ismail bin Mahmad Fuad, Pengerusi Majlis Gurulatih PSSPGM Selangor.



Majlis yang berlangsung di Mini Auditorium, Jalan Tengku Kelana turut dimeriahkan dengan persembahan silat PSSPGM gelanggang Puncak Perdana yang diketuai oleh jurulatihnya Cikgu Razlan.

Selaras dengan aspirasi Pelan Strategik Majlis Perbandaran Klang bagi memartabatkan aspek kesenian dan kebudayaan masyarakat, MPK menyambut baik penubuhan gelanggang latihan silat ini.

MALIS PERASMIAN *Gelanggang* **SENI SILAT PUSAKA GAYONG** Majlis Perbandaran Klang



Genggam Angkat Yakin Waras Negeri



11hb Februari 2023
(Sabtu)

Mini Auditorium E-library
MPKlang, Jln. Tengku Kelana

9.00Pagi

ANDA SEMUA DIJEMPUT HADIR

* Pengambilan keahlian baru bagi anak dan kakitangan MPKlang serta Orang Awam.

Sehubungan itu, Kelab Sukan & Sosial Majlis Perbandaran Klang menjemput ahli-ahlinya warga MPK serta keluarga, pelajar sekolah dan orang ramai menyertai aktiviti silat ini.

Kelas latihan silat PSSPGM akan diadakan pada setiap hari Sabtu jam 9.00 hingga 11.00 pagi di Mini Auditorium MPK bersebelahan Pusat Sumber (E-Library) MPK di Jalan Tengku Kelana, Klang.



*YDP PSSPGM Selangor
Guru Anuar Abdul Rahman
menyampaikan ucapan aluan*



*Ucapan perasmian oleh Tuan Zaireezal bin Ahmad Zainuddin,
Presiden Kelab Sukan dan Sosial MPK*

Sekitar Perasmian Gelanggang PSSGM Cawangan MPK



Bil. 3 12 Februari 2023

Jejak Silat Klang

Luhur Budaya Alam Melayu



PERJUANGAN MENCARI KEASLIAN SILAT

IKHWAN WAHIDON

Pertubuhan Seni Silat Seperjuangan Selangor (PSSSS) merupakan sebuah pertubuhan yang diasaskan oleh Encik Nur Amirun Najwan bin Razali pada bulan Disember 2020. PSSSS secara rasmi berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada Mei 2021. Selepas lebih 10 tahun Encik Najwan berkecimpung dalam dunia persilatan beliau mula mencari intipati dan identiti silat yang sebenar dalam hidup beliau. Setelah bertemu dengan beberapa orang guru silat dan bertanyakan pandangan serta pendapat, Encik Najwan tekad mengembalikan keaslian silat dalam bentuk silat kampung.

Info Ringkas



PERTUBUHAN SENI SILAT
SEPERJUANGAN

Ketua Jurulatih
NAJWAN

Hubungi:
017 - 299 6053

Lokasi
RANTAU PANJANG

Waktu Latihan
SABTU 9.00 MLM



Encik Najwan mencari keaslian silat yang tidak berlandaskan sukan semata-mata kerana menurut beliau silat pada hari ini hanya tertumpu kepada aspek pertandingan seperti silat olahraga dan silat seni. PSSSS menekankan perkembangan aspek jasmani, rohani, jati diri dan adab. Empat elemen ini menjadi intipati Encik Najwan dalam mengembangkan perguruan PSSSS agar dapat membentuk insan yang berguna untuk masyarakat, negara dan agama. Sehingga ke hari ini, pertubuhan ini mempunyai 200 orang ahli berdaftar daripada pelbagai latar belakang, umur dan tempat sekitar Selangor.



Menariknya, usaha mendirikan rumah gelanggang telah dijalankan secara bergotong-royong sehinggalah mewujudkan sebuah suasana gelanggang yang menonjolkan elemen silat kampung dahulu kala. Menurut Encik Najwan binaan yang terdapat di sekitar gelanggang ini menggunakan semula bahan yang terbuang dan dikitar semula menjadi perhiasan gelanggang seperti meriam, pagar, replika burung helang dan sebagainya.

Pada 15 Oktober 2022, PSSSS telah mengadakan Majlis Malam Khursani yang pertama untuk mengkhataamkan 5 orang anak murid yang telah selesai mempelajari setiap langkah dan jurus yang terdapat dalam silibus. Usaha Encik Najwan dalam mencari identiti keaslian silat harus dipuji kerana menjadi mandala sukma dalam arus pemodenan yang datang bersama pelbagai pengaruh luar dalam membina jati diri anak Melayu agar tidak mudah goyah dengan anasir tersebut.

"Saya mencari keaslian dalam bersilat dan bukan semata-mata untuk bertanding"

~ N A J W A N ~



Penulis bersama Jurulatih Encik Najwan

Penerbitan Buku Warta Warisan MPK Jilid 1 dan Jilid 2

Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Klang, 8 Februari 2023 – Bagi mempromosikan projek Klang ke arah Bandaraya Diraja, satu inisiatif telah diambil oleh Unit Warisan, Jabatan Komunikasi Korporat MPK bagi membukukan buletin Warta Warisan yang sudah menjangkau dua tahun penerbitan.

Penerbitan Warta Warisan MPK ini sebenarnya bermula pada bulan Januari 2021 hasil usaha Kurator MPK, Faisal Surani, bagi mendokumentasikan dan melaporkan segala program dan aktiviti warisan yang telah dijalankan sepanjang bulan oleh MPK. Penulisan ini juga bagi memelihara warisan dan sejarah di Klang sekaligus sebagai usaha ke arah persediaan Klang sebagai Bandaraya menjelang November ini.

Sewaktu awal penerbitan buletin ini, Faisal Surani telah menjadi pengarang utama bagi keseluruhan berita. Selepas beberapa bulan penerbitan, beberapa orang pelajar yang menjalani latihan praktikal di bawah Unit Warisan telah dilatih untuk mengarang buletin Warta Warisan MPK.



Perbincangan Penerbitan Bertemakan Pelancongan dan Warisan



Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Klang, 10 Februari 2023 – Yang Dipertua MPK, TPr. Noraini Roslan telah menerima kunjungan syarikat penerbitan, *Bluedale Group of Companies*, yang ingin bekerjasama dengan MPK untuk menerbitkan buku bertemakan pelancongan dan warisan Klang.

Tujuan utama penerbitan buku ini adalah untuk menarik pelancong dan mendokumentasikan sejarah dan warisan negeri Selangor.

Menurut Pengarah syarikat penerbitan Bluedale, Lyndon Yap, mereka ingin melantik Faisal Surani, Kurator MPK yang juga merupakan penyelidik sejarah dan warisan negeri Selangor sebagai teraju utama penerbitan ini kelak.

Perbincangan tersebut turut dihadiri Puan Norfiza Mahfiz, Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat MPK, Faisal Surani, Kurator MPK dan pembantu beliau, Nur Iffah Dayana.



Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang



Matlamat

Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang akan mempunyai reka bentuk jejak warisan yang menyeluruh dan bersifat antarabangsa di mana pelbagai aspek pembangunan, landskap dan seni bina mampan yang bertemakan elemen Diraja akan diterapkan dalam pelaksanaannya.

Perkara ini adalah selaras dengan titah DYMM Sultan Selangor pada 1 Ogos 2022 bersempena dengan Ulang Tahun MPK ke-132 yang menzahirkan hasrat agar Bandar Klang dinaik taraf menjadi Bandaraya Diraja tanpa mengabaikan aspek sejarah dan warisannya. Baginda mahu MPK terus mempromosikan industri pelancongan di lokasi-lokasi menarik dan bersejarah di sekitar Klang sekali gus mampu menjana ekonomi dan pendapatan penduduk Klang.

Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang akan menghubungkan semua monumen dan kawasan yang mempunyai nilai warisan sejarah yang tinggi di Klang. Pada masa yang sama projek ini juga akan menaiktaraf laluan jejak warisan sedia ada menjadi satu rangkaian jejak warisan yang lebih komprehensif.



Sultan Selangor zahir hasrat Klang dinaik taraf jadi Bandar Raya Diraja

Oleh **Muhamad Izzat Nasuruden** - August 1, 2022



Objektif

- Mengenal pasti potensi laluan jejak warisan
- Menentukan lokasi Nodus Utama dan Galeri Sejarah
- Menetapkan tema bagi setiap laluan jejak warisan
- Mengumpulkan maklumat terperinci kawasan yang mempunyai nilai warisan sejarah yang tinggi
- Mencadangkan pelan laluan jejak warisan yang baru

Pendekatan

- Penceritaan sejarah yang tidak diketahui umum
- Bermula dari zaman batu hingga zaman kemerdekaan
- Tema laluan jejak akan dikenal pasti berdasarkan nilai sejarah dan tokoh
- Penceritaan dilaksanakan mengikut tema jejak warisan
- Kawasan yang mempunyai peranan penting dalam pertumbuhan bandar Klang



Versi kedua tentang asal usul nama Klang ini mengatakan Klang itu adalah perkataan Melayu lama yang bermaksud pertengahan. Pendapat atau pandangan ini bersandarkan kedudukan Klang itu sendiri yang berada di pertengahan Selat Melaka, maka bersesuaian ia dipanggil Klang.

Dalam kamus Melayu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), perkataan Klang tidak membawa maksud di antara atau pertengahan. Jadi versi cerita ini lebih kepada andaian atau pendapat.

Klang Bahagian 2

Sebenarnya terdapat beberapa tempat lain yang turut dinamakan Klang atau Kelang sama ada di dalam negara atau luar negara.

Di Hulu Pahang dalam daerah Raub, terdapat perkampungan yang dinamakan Kampung Kelang dan Kampung Orang Asli Sungai Kelang yang terletak di tebing Sungai Kelang, yang juga merupakan salah satu anak sungai yang mengalir masuk ke Sungai Pahang.



Kampung Kelang Lama merupakan sebuah kampung yang terletak dalam Mukim Padang China, Daerah Kulim, negeri Kedah manakala Jalan Kelang pula terletak di daerah Kuala Kangsar, Perak.



Sebuah lagi petempatan adalah Kampung Pasir Kelang di Mukim Batu Mengkebang, Kuala Krai, Kelantan yang terkenal dengan perkhidmatan ferinya sehingga hari ini.

Di Sumatera Indonesia, negara tetangga kita, terdapat sebuah tempat bernama Pematang Kelang dan Pantai Kelang di Desa Naga Lawan, Kecamatan Perbaungan, Kabupaten Serdang Bedagai Sumatera Utara.

Berdasarkan pelbagai lokasi yang menggunakan nama Klang atau Kelang, secara tidak langsung ia membuktikan perkataan Klang itu tidak bermaksud pertengahan atau di antara sesuatu tempat.


Rujukan:

Kamus Dewan; Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur, 2010

Laman Jawi / لامن جاوي

Transliterasi Surat:

Surat Sultan Selangor kepada Francis Light berkaitan pemergian Arung Temujung ke Pulau Pinang



Nur al-Shams wa al-Qamar

Ini surat tulus dan ikhlas suci putih hati yang tiada berhingga dan tiada berkeputusan iaitu dari hadrat duli Yang Dipertuan Selangor iaitu datang kepada sahabat kita Gubernur

Akan hal seperti Arung Temujung itu segala2 tiada kita menyuruhkan dia ke Pulau Pinang dengan pandai2nya sahaja

Tegal ada petuturan Kapitan Klis(?) sama kita kata Arung Temujung kepada sahabat kita, kita menyuruhkan dia segala2, tiada kita menyuruh dia

Itulah maka kita ingatkan kepada sahabat kita sebab putih hati kita kepada sahabat kita barang apa katanya Arung Temujung itu jangan sekali2 didengarkan oleh sahabat kita, jangan nampak buruk kita kepada sahabat kemudian harinya

Sebagai lagi seperti perahu Aceh itu muatannya timah sembilan bahara, kalau ada dia di Pulau Pinang baiklah,

Kalau ada ia kedengaran kepada sahabat kita barang di mana, tolonglah bicarakan oleh sahabat kita inilah orang kita suruhkan melihat perahu itu.

Tamat

al-kalam pada hari Isnin kepada tiga haribulan Rabiul Akhir wau ha

Sumber dan Transliterasi Jawi:
Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

Majlis Warisan Kebangsaan

Majlis Warisan Kebangsaan adalah sebuah Majlis yang ditubuhkan bawah peruntukan Bahagian IV Seksyen 8, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Majlis ini berfungsi untuk menasihati Menteri dan Pesuruhjaya Warisan tentang segala perkara yang berhubungan dengan warisan, pentadbiran wajar serta penguatkuasaan undang-undang yang berhubungan dengan warisan dan untuk menasihati Menteri dan Pesuruhjaya Warisan tentang mana-mana perkara yang dirujuk kepada mereka oleh Menteri atau Pesuruhjaya Warisan, namun Menteri dan Pesuruhjaya Warisan tidak terikat untuk bertindak atas nasihat Majlis.


Antara tugas Majlis ini adalah menasihati:

- i. Pesuruhjaya Warisan tentang pengeluaran Kumpulan Wang Warisan bagi tujuan pembiayaan kerja pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan;
- ii. Menteri bagi menentukan kawasan zon penampakan dan pusat utama kawasan pemuliharaan;
- iii. Pesuruhjaya Warisan dalam penyediaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan;
- iv. Menteri dalam pembatalan perintah Warisan Kebangsaan;
- v. Menteri dalam hal-hal berkaitan rayuan bagi mengesahkan, mengakas atau mengubah keputusan yang dirayukan serta penetapan terma atau syarat sekiranya perlu; dan
- vi. Menteri dan Pesuruhjaya Warisan dalam perkara-perkara lain yang berhubungan dengan warisan dalam usaha memartabatkan warisan negara.

Ahli-ahli Majlis Warisan Kebangsaan terdiri daripada:

- a. Pengerusi,
- b. Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan atau wakilnya;
- c. Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan atau wakilnya;
- d. Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa atau wakilnya;
- e. Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti atau wakilnya;
- f. Pesuruhjaya Warisan; dan
- g. tidak lebih daripada enam anggota lain

Kenali Warisan



Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo

Tahniah.....

atas pelantikan sebagai
PENGERUSI MAJLIS WARISAN KEBANGSAAN
SESI 2018/2020
oleh Kementerian Pelancongan
dan Kebudayaan Malaysia



Ahli-ahli Majlis Warisan Kebangsaan 2021-2023

Y.Bhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo (Pengerusi)
Pengaruh Institut Kajian Bencana Asia Tenggara

Y.Bhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi (Ahli)
Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Y.Bhg. Datuk Kamarul Baharin b. A. Kasim (Ahli)
Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia

Y.Brs. Tuan Mohd Azmi bin Mohd Yusof (Ahli)
Pesuruhjaya Warisan Jabatan Warisan Negara

Y.Bhg. TPr Dr. Alias bin Rameli (Ahli)
Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (PLANMalaysia)

Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Ghouse bin Nasruddin (Ahli)
Pensyarah Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia (USM)

Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Teo Kok Seong (Ahli)
Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Y.Brs. Prof. Dr. A. Ghafar bin Ahmad (Ahli)
Pensyarah Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia (USM)

Y.Brs. Dr. Manimaran A/L Subramaniam (Ahli)
Pensyarah Universiti Malaya (UM)

Y.Brs. Tuan Arif bin Abd. Hamid (Ahli)
Pengaruh Jabatan Muzium Negeri Sabah

Y.Brs. Tuan Tazuddin bin Mokhtar (Ahli)
Pengaruh Jabatan Muzium Negeri Sarawak